

► Tatabahasa

Baca petikan di bawah ini dan gariskan kata adjektif yang terdapat dalam petikan. Kemudian, tulis kata adjektif tersebut dalam ruangan yang disediakan. **SP 5.1.2**

Sudah menjadi tugas pengawas untuk mereka menjalankan tanggungjawab dengan amanahnya. Mereka tidak boleh leka dengan tugas yang diberikan kerana masalah disiplin di sekolah bukanlah perkara yang boleh dipandang ringan.

Selain menjalankan tugas sedia ada, sudah tentu mereka mesti mematuhi peraturan sekolah dengan hadir awal ke sekolah untuk menjalankan tugas. Tidak kira sama ada rumah mereka terletak jauh atau dekat dengan sekolah, mereka perlu berada di sekolah sebelum murid-murid lain tiba di sekolah. Sekiranya mereka lewat, tentunya mereka juga akan dianggap tidak berdisiplin, apatah lagi jika mereka bertugas pada hari tersebut.

Para pengawas sekolah juga mestilah menunjukkan keterampilan yang baik, misalnya membantu memudahkan urusan guru-guru dan memakai pakaian yang kemas apabila ke sekolah. Mereka perlu menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya agar masalah disiplin murid-murid berkurangan dan segala tingkah laku murid-murid sentiasa dalam keadaan terkawal.

Kata Adjektif

- | | |
|---------|----------|
| 1 _____ | 6 _____ |
| 2 _____ | 7 _____ |
| 3 _____ | 8 _____ |
| 4 _____ | 9 _____ |
| 5 _____ | 10 _____ |

Nota Tatabahasa

Kata Adjektif

- Kata adjektif ialah kata yang merujuk kepada sifat atau keadaan sesuatu kata nama.
- Kata adjektif juga disebut sebagai kata sifat.
- Kata adjektif terdiri daripada sembilan jenis iaitu sifat, warna, perasaan, waktu, bentuk, ukuran, jarak, cara, dan pancaindera.

Kata Adjektif	Contoh
sifat	tekun, berani, rajin
warna	putih, hijau, biru, kuning
perasaan	feruja, bosan, sayu, malu
waktu	silam, lewat, awal, cepat
bentuk	lurus, bulat, bujur, segi tiga
ukuran	pendek, tinggi, panjang, lebar
jarak	dekat, jauh, hampir, rapat
cara	kasar, gopoh, lincah, perlahan
pancaindera	cantik, manis, enak, kelat